

AKRONIM

Nik Safiah Karim *et al.* dalam buku *Tatabahasa Dewan* (2011: 105) menggolongkan akronim ke dalam kata nama tunggal. Akronim ialah perkataan yang dihasilkan melalui pencantuman bahagian-bahagian daripada serangkaian perkataan. Bahagian-bahagian perkataan itu boleh terdiri daripada huruf-huruf, suku-suku kata, atau bahagian-bahagian daripada perkataan.

Berdasarkan cara-cara pencantuman bahagian perkataan itu, akronim boleh dibahagikan kepada empat jenis, iaitu:

i. Cantuman Huruf Awal Perkataan

Kata nama akronim yang dibentuk melalui pencantuman huruf awal beberapa perkataan kebanyakannya terdiri daripada nama khas dan dieja dengan huruf besar keseluruhannya. Contohnya:

- ADUN** - Ahli Dewan Undangan Negeri
- ABIM** - Angkatan Belia Islam Malaysia
- IPTAR** - Institut Penyiaran Tun Abdul Razak
- ILIM** - Institut Latihan Islam Malaysia
- IKIM** - Institut Kefahaman Islam Malaysia

ii. Cantuman Huruf dan Suku Kata Sesedap Sebutan

Akronim juga boleh dibentuk daripada cantuman huruf dan suku kata sejumlah perkataan. Akronim jenis ini juga membentuk kata nama khas dan ejaannya bermula dengan huruf besar (huruf pertama sahaja).

Contohnya:

- Perhilitan** - Perlindungan Hidupan Liar Taman Negara
- Mara** - Majlis Amanah Rakyat
- Perkim** - Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
- Intan** - Institut Tadbir Awam Negara

iii. Cantuman Suku Kata Awal Perkataan

Selain itu, akronim juga boleh dibentuk melalui pencantuman suku kata awal sejumlah perkataan. Jikalau yang terbentuk itu kata nama khas, ejaannya bermula dengan huruf besar, manakala jika yang terbentuk itu merupakan nama am, ejaannya bermula dengan huruf kecil. Contohnya:

- Bernamea** - Berita Nasional Malaysia
- Perkeso** - Pertubuhan Keselamatan Sosial
- tadika** - taman didikan kanak-kanak

pawagam - panggung wayang gambar
cerpen - cerita pendek

iv. Cantuman Bahagian Awal Perkataan Pertama dengan Bahagian Lain Perkataan yang Mengikutinya

Satu lagi cara pembentukan akronim adalah melalui cantuman bahagian awal (huruf atau suku kata pertama) dengan bahagian lain (suku kata akhir atau keseluruhan) perkataan yang mengikutinya.

Contohnya:

asbut - asap kabut
jentolak - jentera tolak
debunga - debu bunga
purata - pukul rata
jenama - jenis nama